



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM BERSAMA RAKAN STRATEGIK BERSATU BANTU MANGSA BENCANA KEBAKARAN KAMPUNG BAHAGIA, SANDAKAN

SANDAKAN, 28 April 2026 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini turun padang menyantuni mangsa bencana kebakaran Kampung Bahagia, Sandakan yang kini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Rumah Orang Tua Sri Harapan.

Menurut YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, bagi memastikan kebajikan mangsa terus terpelihara, lapan (8) buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka melibatkan seramai 1,905 mangsa daripada 384 keluarga. PPS yang dibuka adalah Dewan PPR Batu Sapi, Sekolah Kebangsaan Gas, Sekolah Kebangsaan Kampung Bahagia, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Sapi, Sekolah Kebangsaan Karamunting, Dewan Sibuga, Dewan Rumah Orang Tua Sri Harapan dan Gelanggang Futsal Sim-Sim.

Selain menyantuni mangsa kebakaran yang terjejas, kesempatan program turun padang ini juga digunakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri untuk menyampaikan penghargaan kepada petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertungkus lumus menguruskan PPS sejak insiden ini berlaku selain memberi ruang kepada kementerian untuk meninjau sendiri keperluan semasa mangsa serta tindakan intervensi yang boleh dilaksanakan bagi membantu keluarga yang terkesan meneruskan kelangsungan hidup.

JKM telah memainkan peranan penting dalam menyelaras dan mengurus operasi PPS termasuk melaksanakan pendaftaran mangsa menerusi Sistem Info Bencana JKM, mengurus agihan barangan keperluan serta penyediaan makanan kepada mangsa sebanyak tiga kali sehari.

Selain penyediaan keperluan asas, JKM turut memberi penekanan terhadap aspek pemulihan emosi melalui pelaksanaan intervensi krisis dan sokongan psikologi kepada mangsa. Intervensi ini dilaksanakan oleh Pegawai Psikologi JKM dan pasukan sokongan di beberapa PPS termasuk SMK Batu Sapi, SK Gas, Dewan PPR Batu Sapi, SK Karamunting dan Dewan Sibuga bermula 20 hingga 23 April 2026.

Secara keseluruhan, seramai 262 mangsa telah menerima intervensi psikososial melalui sesi yang dijalankan di PPS terlibat. Pendekatan ini bertujuan membantu mangsa menstabilkan emosi, mengurangkan kesan trauma serta mempercepatkan proses pemulihan.

Seramai 48 pegawai dan kakitangan JKM daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sandakan, Pejabat Kebajikan Daerah Kinabatangan, Beluran, Tongod, Telupid dan Paitan serta institusi di bawah JKM telah digerakkan bagi membantu operasi di PPS. Selain itu, seramai 15 Sukarelawan JKM turut terlibat secara aktif membantu pengurusan dan kebajikan mangsa sepanjang tempoh penempatan di PPS.

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) selaku agensi di bawah KPWKM turut memainkan peranan dalam membantu meringankan beban mangsa bencana dengan sumbangan Bantuan Kasih Prihatin berupa cek berjumlah RM200,000 kepada Tabung Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah untuk diselaraskan dan diagihkan kepada mangsa. Selain bantuan tunai, YKN turut mengagihkan beg berisi makanan bagi dewasa, beg berisi peralatan menulis dan mewarna untuk kanak-kanak serta beg barangan keperluan yang mengandungi pakaian, susu dan lampin bayi.

Program ini turut mendapat kerjasama Yayasan Sime Darby yang telah menyumbang *hygiene kit*, tilam dan bantal kepada mangsa bencana di kampung tersebut. Kerjasama ini merupakan simbol komitmen berterusan sektor korporat dalam membantu golongan yang terkesan akibat bencana.

YB Dato' Sri Hajah Nancy dalam ucapannya turut melahirkan penghargaan kepada Yayasan Sime Darby yang sentiasa komited memberi sumbangan kepada mangsa bencana hasil kerjasama erat yang terjalin sejak tahun 2024 dan beliau mengharapkan lebih banyak agensi korporat lain dapat turut sama memberi sumbangan dalam usaha meringankan beban mangsa bencana seperti mana yang berlaku di Kampung Bahagia ini.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YBrs. Puan Nordina Harun, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kebajikan Masyarakat; Puan Muzdalifah Mohd Nasir, Ketua Pegawai Operasi, Yayasan Sime Darby dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
28 APRIL 2026**